



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 4 JANUARI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PERTANIAN MAKANAN DI MALAYSIA HARUS DIPERBAIKI, CETUSAN, SH -18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2. 3. 4. 5.	SHRIMP DANGER, THE STAR -1 'SHELLFISH' SOLUTION A THREAT TO HEALTH, NATION, THE STAR -2 FARMERS USE ILLEGAL ANTIBIOTICS TO TREAT SHRIMPS, NATION, THE STAR -2 ANTIBIOTICS FOUNDS IN SHRIMPS USED AS 'LAST RESORT' ON HUMANS, NATION, THE STAR -2	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7. 8. 9.	MAQIS RAMPAS MANGGA BERNILAI RM36,000, SINAR NEGERI P.PINANG /PERLIS, SH -37 MAQIS RAMPAS TELUR IKAN KAVIAR, NASIONAL, SH -19 MAQIS PERLIS RAMPAS 24 TAN MANGGAN DIJANGKITI SERANGGA, WILAYAH, BH -50 CUBA SELUDUP TELUR IKAN STURGEON CHINA, LOKAL, HM -13	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

DR. JOMO
KWAME
SUNDARAM

PERSPEKTIF

AHMAD
ASHRAF
SHAHARUDIN

Terdapat pandangan bahawa pertanian makanan tidak lagi relevan untuk Malaysia mengejar status negara maju.

Namun begitu, kebanyakan pihak menganggap kelapa sawit, getah serta pertanian kontan lain amat penting sebagai sumber pendapatan eksport dan matawang asing.

Akibatnya, pertanian makanan di Malaysia terutamanya pengeluaran padi masih ketinggalan berikutan pertumbuhan produktiviti yang lambat dan hanya hidup kerana mendapat subsidi lumayan daripada kerajaan dan pembeli beras.

Petani dan nelayan masih hidup susah sedangkan jurang antara negeri, daerah, bandar dan luar bandar masih mengusarkan. Perhatian terhadap soal makanan dan jaminan makanan tidak mencukupi.

Kerajaan mesti membawa nafas baru kepada sektor pertanian.

Di Malaysia, dua kementerian bertanggungjawab terhadap pertanian iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Kementerian Industri Utama (MPI).

Akibatnya, wujud jurang antara tanaman kontan dan tanaman makanan serta antara estet dan pekebun kecil. Lebih tiga per empat tanah pertanian di Malaysia ditanam kelapa sawit yang membawa risiko *monoculture* iaitu kebergantungan melampau terhadap satu jenis tanaman sama ada dari segi harga ataupun penyakit.

Diskriminasi pentadbiran itu juga mengekang usaha meningkatkan pendapatan petani menerusi pertanian campuran. Sebagai contoh, petani perlu berurusan dengan agensi yang berbeza di bawah Kementerian berbeza untuk membela termanan di ladang tanaman kontan.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (yang bertanggungjawab terhadap FELDA, FELCRA dan RISDA) juga mempunyai agenda dan keutamaan masing-masing.

Selain kerenah birokrasi, hal itu juga menyebabkan isu pertindihan, malah percanggahan antara dasar-dasar kementerian berbeza sebagai contoh Dasar Agromakanan, Negara 2011-2020 MOA dan Dasar Komoditi Negara, 2011-2020 MPI.

Dengan cabaran masa kini yang kian meruncing termasuk pembangunan lestari, jaminan makanan, pemakanan, pemanasan alam, pembangunan luar bandar dan hak 'orang asal,' dasar pertanian yang lebih menyeluruh, bersepadu dan konsisten amat perlu.

Kemajuan pertanian juga memerlukan ketelusan dan akauntabiliti urus



Rakyat Malaysia terutamanya bella dilihat masih kurang berminat menceburkan diri dalam sektor pertanian.

Pertanian makanan di Malaysia harus diperbaiki

Kemajuan pertanian juga memerlukan ketelusan dan akauntabiliti urus tadbir. Skandal melibatkan FELDA, NAFAS dan NFC antaranya bukan hanya membazir berbilion ringgit dana awam, bahkan juga menghakis keyakinan orang ramai terhadap kerajaan, politik dan dasar awam.

tadbir. Skandal melibatkan FELDA, NAFAS dan NFC antaranya bukan hanya membazir berbilion ringgit dana awam, bahkan menghakis keyakinan orang ramai terhadap kerajaan, politik dan dasar awam.

Kemajuan sektor pertanian memerlukan penggunaan teknologi sesuai termasuk yang menjimatkan tenaga buruh.

Meskipun penglibatan buruh dalam pertanian Malaysia semakin menurun saban tahun, sektor itu mempunyai tenaga buruh asing sah yang paling tinggi, sebanyak 27 peratus pada tahun 2017. Ia tidak termasuk pula lebih ramai yang tidak sah.

Menteri Sumber Manusia dahulu pernah mengumumkan anggaran seramai 6.7 juta buruh asing sedangkan bilangan diakui Penyiasatan Tenaga

Buruh seramai 2.2 juta. Maka, kira-kira 4.5 juta buruh asing atau dua kali ganda adalah tenaga buruh yang tidak sah.

Buruh asing rela bekerja dalam pekerjaan yang dianggap susah, berbahaya dan kotor dengan gaji murah. Penggunaan buruh asing terutamanya yang tidak sah bukan sahaja terus menekan tahap gaji dan keadaan pekerjaan pertanian bahkan tidak menggalakkan pelaburan teknologi.

Dalam hal ini, rakyat Malaysia terutamanya bella kurang minat menceburkan diri dalam sektor ini.

Walaupun bagaimanapun, dalam Belanjawan 2019, kerajaan mengurangkan cukai lanjutan untuk pekerja asing sebagai langkah jangka pendek bagi mengatasi kekurangan tenaga buruh pertanian. Langkah itu barangkali membantutkan lagi pertumbuhan produktiviti jangka panjang.

Subsidi

Sistem subsidi dan pelaksanaannya mesti diteliti semula supaya tidak menghalang kemajuan pertanian.

Subsidi harus menjadikan petani semakin produktif, mampu meraih pendapatan lebih lumayan dan kurang bergantung kepada subsidi.

Malangnya, subsidi sering dijadikan candu politik bagi mendapatkan sokongan undi kaum tani.

Meskipun lebih kurang separuh daripada peruntukan belanjawan kepada Kementerian Pertanian sejumlah RM1.8 bilion pada tahun 2019 disalurkan sebagai subsidi padi, sektor itu masih tidak maju.

Cara subsidi diberi tidak menggalakkan petani mempelbagaikan tanaman makanan mereka untuk me-

ningkatkan pendapatan. Bahkan, sesetengah petani yang menanam tanaman selain padi mengaku diri sebagai penanam padi supaya layak diberikan subsidi.

Laporan Ketua Audit Negara lalu mendedahkan, subsidi berjumlah RM57.92 juta telah diberi pada tahun 2016-2018 kepada ribuan penanam yang telahpun meninggal dunia lebih sedekad lalu. Menurumnya, benih bermutu rendah diberi kepada petani dan baja diagih lewat.

Dasar jaminan makanan perlu dilihat secara lebih luas dengan menekankan pemakanan baik lagi sihat berasaskan kepelbagaian makanan dan bukan hanya sara diri (*self-sufficiency*) beras. Walaupun kebuluran bukan lagi masalah besar di Malaysia, namun salah pemakanan mengancam kesejahteraan rakyat.

Kekurangan zat makanan seperti kalsium, masih menjadi punca penyakit seperti anemia.

Kadar pertumbuhan bantut dalam kalangan kanak-kanak bawah lima tahun meningkat daripada 17.2 peratus pada tahun 2006 kepada 20.7 peratus pada tahun 2016.

Penyakit tidak berjangkit akibat makanan seperti penyakit kardiovaskular dan kencing manis adalah punca utama kematian di Malaysia.

Malaysia mencatatkan kadar kencing manis tertinggi di Asia. Penyakit seperti itu sepatutnya boleh dielakkan dengan dasar makanan yang sesuai.

** Profesor Dr Jomo Kwame Sundaram ialah Penasihat Penyelidik Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) dan Ahmad Ashraf Shaharudin pula ialah Penyelidik Bersekutu KRI*

Braille is a six-dot fingertip reading system for people with vision impairment. To commemorate the World Braille Day today, here are some facts about this reading system.



The Star

people's paper



World Health Organisation estimates that **36 million people** live with blindness globally.

SATURDAY 4 JANUARY 2020

PP1641/03/2013 (031549) (No. 22030) RM1.80

1300-88-7827 (Customer Service)

Shrimp danger

See more
on The Star
Online



The United States Food and Drug Administration has banned their exports, but cultured shrimp tainted with antibiotics are still being sold openly in Malaysian wet markets. The Fisheries Department is now conducting laboratory tests at shrimp farms to prevent the sale of such products. >See reports on pages 2 and 3 by ARNOLD LOH, IMRAN HILMY and N. TRISHA



Massive production: An aerial view of an aquaculture farm in Penang. — ZAINUDIN AHAD/The Star

Nation

'Bersatu will not give up the precious Education Ministry to PKR, DAP or Amanah.' >6

World

Iran has vowed to take 'severe revenge' after its top general was killed by the US military in a strike. >22

REPORTS BY ARNOLD LOH, MIRIAM HILMI AND N. TRISMA

'Shellfish' solution a threat to health



Check the source: People buying shrimp at the Batu Lanchang market in George Town. — LIM BENG TATT/The Star

Dangerous antibiotics in farmed shrimp

The USFDA has two standing import alerts that tell their field officers and the US Customs and Border Protection to "defain without physical examination" (DWPE) all shrimps and whatever other crustaceans that specific exporters try to bring into their country. The reason is that the shrimps contain residues of two very dangerous antibiotics. Malaysian exporters top these global lists. With the DWPE, they have 10-20 days to prove that that specific shipment does not contain those antibiotics. If they fail to prove it, the shipment must be destroyed or exported out of the US by 90 days from the date of detention.

Farmers use illegal antibiotics to treat shrimp

GEORGE TOWN: Malaysians are unknowingly consuming tainted shrimps which contain antibiotics that can lead to serious health issues.

And strangely, most of the shrimps – tiger prawns and Pacific whiteleg shrimps which are said to be tainted with nitrofurans and chloramphenicol (both antibiotics) – can be commonly found at most wet markets in Malaysia.

Experts believe residues of these two antibiotics are carcinogenic (cancer-causing), and in the case of chloramphenicol, leads to a rare but serious side effect of bone marrow failure, in which the marrow cannot produce red and white blood cells and platelets.

A worker at a large shrimp farm in Kedah, who spoke on condition of anonymity, said the antibiotic problem in shrimps started about 10 years ago.

"A strange disease hit the shrimp. We called it the Early Mortality Syndrome (EMS). In just 30 days, nearly all of them died after being put in the growing ponds," he said, adding that farmed shrimps take 70 to 100 days to reach harvestable sizes.

He said farmers tried many types of medications but they all failed and so they resorted to nitrofurans and chloramphenicol.

He maintained that the farm he works in had stopped using them.

Free EDUCATION FAIR 2020
4 & 5 JANUARY
 11AM TO 7PM
 KLCC CONVENTION CENTRE



Enhancing Your Skill Sets for Brighter Career

by **Dr. Prof. Abraham Benjamin Samuel**
 Asst. Director (International Relations),
 SRM Group of Institutions - Ramapuram,
 Chennai

EDUCATION & CAREER TALKS
 5 JANUARY (SUNDAY) 9:15PM - 3:45PM
 HALL 3 HOSPITALITY LOUNGE

"We use probiotics and maintain a high level of cleanliness. Not all shrimp farmers use them."

Since 2019, many Malaysian shrimp exporters have been put on the United States Food and Drug Administration (USFDA) red list after 18 shrimp shipment samples from 11 Malaysian exporters were detected to contain chloramphenicol in 2018.

On top of chloramphenicol, the USFDA also put 28 Malaysian shrimp exporters between 2009 and 2018, on its red list because 56 of their shrimp shipment samples contained nitrofurans.

Penang has the highest number of such exporters.

Out of 28 Malaysian exporters red-listed by the USFDA for trying to send in shrimps containing nitrofu-

rans, 19 are based in Penang. Out of 11 that tried to export chloramphenicol-tainted shrimps, eight have Penang addresses.

USFDA media officer Peter Cassell explained that "when a product gets to the point of detention without physical examination (DWPE), the company is notified and they will also be notified of their options".

Cassell pointed to USFDA import guidelines, which show that a DWPE alert allows the agency's field officers to summarily detain such shipments.

The companies then have 10 to 20 days to show laboratory proof that their specific shipments do not violate FDA laws. If they fail to do so, the shipments must be destroyed or exported out in 90 days from the day of detention.

USFDA publishes its DWPE alerts online as Import Alert 16-129 for nitrofurans and 16-127 for chloramphenicol.

The names and addresses of every exporter on the red lists are published.


A check on USFDA Import Alerts confirmed that this worker's shrimp farming and export company was not listed.

According to a research paper in the *Journal of the World Aquaculture Society*, EMS first appeared in

> SEE NEXT PAGE


NITROFURANS

Number of exporters the USFDA found the antibiotic Nitrofurans in shrimp samples by country between 2009 and 2018



CHLORAMPHENICOL

Number of exporters the USFDA found the antibiotic Chloramphenicol in shrimp samples by country between 2015 and 2018




Number of Malaysian exporters the USFDA found Nitrofurans in their shrimp shipment samples by state between 2009 and 2018



Number of exporters the USFDA found the antibiotic Chloramphenicol in shrimp samples by state between 2015 and 2018



Number of times USFDA found Nitrofurans in Malaysian shrimp shipment samples by year



Number of times USFDA found Chloramphenicol in Malaysian shrimp shipment samples by year



Source: USFDA Import Alerts 16-129 (Nitrofurans), updated on Nov 26, 2019, and 16-127 (Chloramphenicol), updated on Nov 26, 2019.

Antibiotics found in shrimps used as 'last resort' on humans

GEORGE TOWN: Mammary tumours developed in rats and ovarian tumours appeared in mice when they were used to test nitrofurans, one of the dangerous antibiotics found in farmed shrimp samples in Malaysia.

United States Food and Drug Administration (USFDA) stated that since 1991, all animal feed products containing nitrofurans were banned when it was found to be carcinogenic. It is also banned in Malaysia.

In the USFDA's Import Alert

16-129, where 28 Malaysian exporters are on the red list for trying to send nitrofurans-tainted shrimps into the country, the agency states that "the tissue-bound residues of nitrofurans are stable and do not degrade to a significant extent through common food preparation techniques like cooking, baking, grilling and microwaving".

"When consumed, nitrofurans residues are absorbed by the consumers' body and again form tissue-bound residues. Since the com-

ponent is considered carcinogenic and genotoxic, consumption over time may present a human health risk," it said.

In the agency's Import Alert 16-127, where 11 Malaysian companies are red-listed for trying to export chloramphenicol-tainted shrimps to the US, USFDA explains that this antibiotic, in humans, is reserved for the treatment of life-threatening infections.

It states that therapeutic use (using the antibiotic to prevent dis-

eases) correlates with a low incidence of one in 30,000 to 50,000 users getting "serious and potentially fatal blood disorders, such as idiosyncratic aplastic anaemia".

Malaysia National Poison Centre pharmacist Assoc Prof Dr Balamurugan Tangiisuran confirmed USFDA's findings of chloramphenicol's dangerous side effect on bone marrow.

He said it was mainly used to treat eye and ear infections, but only in topical drops or ointments.

"Oral or intravenous (injections) use is quite rare and only happens in serious and systemic infections," he said.

He stressed that chloramphenicol was only used "as a last resort, which may not happen in real practice nowadays because we have other broad spectrum antibiotics (which kills a wide range of bacteria) in the market now which are safer".

As for nitrofurans, Assoc Prof Balamurugan said it is used for urinary tract infections if all else failed.

4/1/2020

SINAR
HARIANSINAR NEGERI
KELANTAN / TERENGGANU

38

Lembu jantan seludup bernilai RM240,000 dirampas



PGA Batalion 7 Kuantan gagalkan cubaan seludup 40 ekor lembu jantan dari Thailand kelmarin.

RANTAU PANJANG - Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 Kuantan berjaya menggagalkan cubaan menyeludup 40 ekor lembu jantan bernilai RM240,000 dari Thailand selepas menahan dua buah lori di Tumpat dekat sini kelmarin.

Rampasan sekitar jam 1.50 petang itu dilakukan ketika rondaan rutin oleh anggota PGA Batalion 7 di ke Bendang Pak Yong di sini.

Pegawai Pemerintah

PGA Batalion 7, Superintendan Azhari Nusi berkata, pihaknya menahan dua pemandu dan seorang kelindan masing-masing berusia 24 dan 35 tahun bagi membantu siasatan.

"Ketika rondaan anggota kita terserempak dengan dua buah lori yang dipandu dalam keadaan mencurigakan bertindak menahan kenderaan tersebut. Kesemua yang ditahan dibawa ke markas di Kuala Jambu untuk siasatan lanjut," katanya.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut mendapati 20 ekor lembu jantan dalam setiap lori tersebut.

Azhari berkata, siasatan mendapati kesemua haiwan itu diambil dari kandang di Bendang Pak Yong.

Katanya, lembu-lembu tersebut akan dipasarkan ke Johor dan Selangor untuk penyembelihan.

"Lembu-lembu itu diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan untuk tindakan lanjut," katanya.

4/1/2020

SINAR
HARIANSINAR NEGERI PULAU
PINANG / PERLIS

37



PATI yang ditahan akan dibawa ke Depot Tahanan Imigresen Kangar bagi tujuan siasatan lanjut.

Maqis rampas mangga bernilai RM36,000

PERLIS - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Negeri Perlis menahan empat lori yang membawa buah mangga berperosak yang diimport dari Thailand di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM), Padang Besar kelmarin.

Pengarahnya, Mohamad Arshad Raffin berkata, hasil persampelan yang telah dilakukan menemui kumbang pengorek buah mangga (mango seed weevil) di dalam buah mangga tersebut.

Menurutnya, konsainan

buah mangga tersebut telah ditahan untuk siasatan lanjut.

"Nilai keseluruhan buah mangga itu dianggarkan bernilai RM36,000 dengan berat konsainan kira-kira 24,000 kilogram.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 14, Akta Perkhidmatan Kurantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Maqis sentiasa memastikan setiap pengimportan keluaran pertanian ke Malaysia adalah bebas daripada penyakit dan perosak," katanya dalam satu kenyataan semalam.



Konsainan buah mangga telah ditahan bagi tujuan siasatan lanjut oleh Maqis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/1/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	19

Maqis rampas telur ikan kaviar

SEPANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor merampas sebanyak enam bekas telur ikan spesies sturgeon (kaviar) dari China kelmarin.

Pengarahnya, Dr Tarmisal Alimin berkata, kesemua bekas ikan itu dirampas daripada seorang individu warga tempatan yang membawa satu bungkusan besar di laluan penumpang Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA 2) pada jam 9 pagi.

"Pemeriksaan ke atas bungkusan itu mendapati terdapat enam bekas telur ikan sturgeon seberat 10 kilogram bernilai RM20,000," katanya.



Maqis merampas enam bekas telur ikan sturgeon.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/1/2020	BERITA HARIAN	WILAYAH	50

MAQIS Perlis rampas 24 tan mangga dijangkiti serangga

Padang Besar: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Perlis merampas 24 tan mangga import yang dijangkiti serangga perosak bernilai RM36,000 di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM) di sini, Rabu lalu.

Pengarah MAQIS Perlis, Mohamad Arshad Raffin, berkata dalam sekatan pada jam 5 petang itu, empat lelaki warga tempatan berusia lingkungan 30-an ditahan dan dikenakan kompaun RM4,000.

Katanya, semua mangga terbahit dipercayai cuba dibawa masuk ke negara ini dari Thailand menggunakan empat lori bertujuan untuk dipasarkan kepada pengguna tempatan.

“Semua mangga itu memiliki permit dan sijil yang sah ketika dibawa masuk melalui pintu sempadan negara.

“Bagaimanapun, ketika per-sampelan dilakukan, kita mendapati semua mangga dibawa empat lori terbahit rosak dan mempunyai serangga berpenyakit,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.



Semua mangga itu memiliki permit dan sijil yang sah ketika dibawa masuk melalui pintu sempadan negara.

*Mohamad Arshad Raffin,
Pengarah MAQIS Perlis*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/1/2020	HARIAN METRO	LOKAL	13



MAQJS merampas enam bekas telur ikan seberat 10 kilogram di Klia2.

Cuba seludup telur ikan sturgeon China

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor merampas enam bekas telur ikan spesies ikan sturgeon (caviar) bernilai RM20,000 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (Klia2), Sepang, kelmarin.

Pengarahnya, Dr Tarmisal Alimin berkata, bekas yang diletakkan dalam beg sejuk beku itu diseludup masuk seorang penumpang tempatan pada jam 9 pagi.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut ke atas bungkusan itu mendapati terdapat enam bekas telur ikan sturgeon seberat 10 kilogram.

yang dibawa tanpa sebarang dokumen sah iaitu permit import Maqis, Sijil CITES dan Sijil Kesihatan dari negara pengeksport China.

“Individu itu mendakwa membawa masuk telur ikan berkenaan bertujuan untuk penyelidikan dan penternakan,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Tarmisal berkata, ikan sturgeon adalah spesies ikan yang dilarang dibawa masuk ke negara ini kerana menja- di pe- nyum-

bang kepada bawaan penyakit baharu dan punca sebaran serta rebakan penyakit dalam perairan umum.

“Selain itu, ia boleh mengganggu keseimbangan ekosistem sungai di negara kita,” katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM100,000

atau penjara sehingga enam tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Rampas enam bekas telur ikan sturgeon bernilai RM20,000